



" PILIHANRAYA PENENTU MASA DEPAN NEGARA "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ
وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ
فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beroleh kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Khutbah pada kali ini mengingatkan kita semua bahawa **"PILIHANRAYA PENENTU MASA DEPAN NEGARA"**.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Bahang pilihanraya yang ke13 semakin hampir. Kita semua yang telah mendaftar sebagai pemilih, hendaklah menunaikan tanggungjawab untuk mengundi memilih pemimpin dalam pilihanraya ini. Sudah tentu kita sedar bahawa suasana hari ini sehinggalah keputusan pilihanraya diumumkan merupakan perkara yang menjadi bualan dan sebutan bagi masyarakat seluruh Negara ini. Kehangatan pilihanraya pasti akan dirasai. Ini kerana isu atau topik pilihanraya dan politik sering disiarkan dan diwar-warkan melalui media cetak mahupun media elektronik malah ada juga yang keterlaluan dalam berkempen dengan nada provokasi, fitnah, lucah dan tidak beretika.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Pada hari ini saya ingin mengingatkan bahawa pilihanraya bukanlah medan atau tempat untuk kita mencari kesalahan, membuka aib, menghina atau mencaci orang lain tetapi pilihanraya merupakan medan untuk kita mencari kesejahteraan hidup bernegara supaya semua rakyat dapat hidup dalam suasana selesa dan aman damai yang akan melahirkan kesejahteraan dalam kehidupan dengan memilih pemimpin yang benar-benar layak memimpin Negara dan membela nasib rakyat.



Sesungguhnya mencari kebaikan dan mewujudkan kesejahteraan dalam kehidupan adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam.

Firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 117;

وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلِهَا
مُصْلِحُونَ

"Tuhanmu tidak sekali-kali mahu membinasakan mana-mana negeri dengan sebab kezaliman penduduknya, selagi mereka sentiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Pada hari ini dengan rasa insaf saya ingin mengingatkan bahawa berpolitik merupakan suatu kewajipan kepada umat Islam. Oleh itu, sebagai muslim kita diwajibkan mengambil bahagian atau sekurang-kurangnya menjadi pemilih untuk membentuk kerajaan. Penglibatan umat Islam dalam bidang politik amat perlu dalam memilih pemimpin yang benar-benar layak dan bertanggungjawab terhadap kepimpinannya.

Hadis daripada Ibnu Umar R.A bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda;

أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

"Bahawa sesungguhnya setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipersoalkan tentang kepimpinan".

(Riwayat Bukhari dan Muslim)



Lihat sahaja masyarakat di Asia Barat yang satu ketika dahulu tidak peduli hal ini barulah merasai kesannya sedang berlaku kini, namun begitu perkembangan semasa melibatkan medan politik telah dijadikan alasan berlakunya perpecahan ummah. Sedangkan tuntutan disebalik berpolitik itu adalah sesuatu yang baik, kerana apabila suasana politik menjadi stabil maka kesan daripada kestabilannya sudah tentu memudahkan kita untuk menjalani kehidupan kita pada hari ini.

Kita semua perlu prihatin serta memuhasabah diri dan merenung sejenak apakah yang akan terjadi jika keadaan politik yang tidak stabil? Lihat sahaja pergolakan di Negara-negara yang menghadapi krisis politik yang meruncing, yang menyebabkan berlaku kekacauan, huru-hra, kerosakan harta benda, malah lebih menyedihkan lagi ada yang sanggup berbunuh-bunuhan antara satu dengan yang lain, walaupun mereka semua adalah sebangsa dan seagama. Perkembangan ini sudah tentu menyedihkan dan bercanggah dengan bercanggah dengan syariat Islam itu sendiri.

Oleh yang demikian, dalam suasana demam pilihanraya ini hendaklah kita sentiasa mengamalkan dasar-dasar yang baik dan batas-batas tertentu agar semua pihak tidak terlanjur melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada perpecahan ummah seterusnya menimbulkan semangat permusuhan antara satu dengan yang lain.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Dalam Islam, menentukan dan memilih pemimpin adalah suatu perkara yang sangat penting dan wajib. Ini dibuktikan dalam sejarah Islam apabila wafatnya junjungan besar Nabi kita Muhammad s.a.w, maka



seorang khalifah terus dilantik menjadi pemimpin bagi menggantikan baginda sebelum pemakaman baginda s.a.w dilangsungkan. Para sahabat sepakat bahawa haram hukumnya kaum muslimin hidup tanpa adanya seorang khalifah atau pemimpin.

Sabda Nabi s.a.w:

إِذَا خَرَجَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيُؤَمِّرُوا أَحَدَهُمْ .

"Apabila keluar tiga orang dalam bermusafir maka hendaklah dilantik seorang ketua". (Riwayat Abu Daud)

Ini bermakna kepentingan melantik pemimpin untuk menggantikan kepimpinan yang telah berlalu untuk mengurus hal ehwal Islam dan melaksanakan kemaslahatannya adalah wajib. Atas sebab inilah Islam begitu memandang berat soal memilih pemimpin dalam semua peringkat kehidupan.

Persoalannya, bagaimanakah kita hendak menjadi pemimpin yang baik? Kita harus sedar bahawa pemimpin yang baik akan memberikan kesan yang amat besar terhadap masa depan agama, bangsa dan negara.

Kita juga hendaklah memahami bahawa soal kepimpinan mempunyai kaitan yang amat besar dengan dosa dan pahala dan ia adalah sebahagian tindakan atau perbuatan yang tidak terlepas dari penghakiman Allah terhadap kita pada hari kiamat kelak.

Firman Allah dalam Surah al-Muddathir ayat 38:



كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ

"Setiap diri terikat (bertanggungjawab) dengan apa yang telah dikerjakannya".

Sebagai pemimpin, kita hendaklah melaksanakan tugas secara berhati-hati tanpa adanya kepentingan peribadi atau sebagainya. Jika kita gagal melaksanakan tugas dengan adil dan mengutamakan kebajikan untuk rakyat maka sudah tentulah besar kesalahannya dan akan diazab oleh Allah di akhirat kelak.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas ayat 41:

وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ ^ص وَيَوْمَ
الْقِيَامَةِ لَا يُنصَرُونَ

"Dan Kami jadikan mereka pemimpin-pemimpin yang menyeru (manusia) ke neraka dan pada hari Kiamat pula mereka tidak mendapat sebarang pertolongan".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Jelaslah kepada kita bahawa dalam soal kepimpinan yang baik tidak boleh dilakukan secara tangkap muat. Sehubungan dengan itu Imam al-Qurtubi menjelaskan dalam kitab 'Al-Jamik li Ahkamil Quran' bahawa;



"Bagi umat Islam dalam memilih pemimpin mestilah dari golongan yang adil, bijaksana, amanah, ihsan dan bersifat mulia. Adapun yang fasiq dan zalim mereka tidak layak menjadi pemimpin".

Hadis daripada Huzaiifah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

"Bahawasanya akan wujud (akan datang) para pemerintah yang berbohong dan berlaku zalim. Barangsiapa yang membenarkan pembohongan mereka dan membantu atas kezaliman mereka, maka (mereka) bukan daripada (golongan) kami dan aku bukan daripada (golongan) mereka, dan dia tidak akan menemuiku di haudh (telaga kauthar di akhirat kelak). (Sebaliknya) sesiapa yang tidak membenarkan pembohongan mereka dan tidak membantu atas kezaliman mereka, maka dia daripada golongan ku dan aku daripada golongannya dan dia akan menemuiku di haudh".

(Riwayat Imam Ahmad)

Pengajaran dan penghayatan yang baik daripada khutbah ini adalah, marilah kita memilih pemimpin yang takutkan Allah melebihi daripada segala-galanya. Kerana hanya pemimpin yang benar-benar bertaqwa dan takutkan Allah sajalah yang mampu menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemimpin dengan jujur, amanah dan adil.

Selain itu, kita juga dituntut agar mencontohi Rasulullah s.a.w dalam segala urusan kepimpinan. Ini kerana kepimpinan nabi s.a.w. dan para sahabat juga sentiasa membuka ruang kepada rakyat Madinah untuk memberikan teguran dan kritikan membina yang sepatutnya menjadi contoh kepada umat akhir zaman ini. Sesungguhnya kegagalan kita untuk



berhijrah kepada corak kepimpinan Rasulullah s.a.w. ini menyebabkan kita ketinggalan jauh ke belakang berbanding kaum lain.

Justeru, marilah kita sama-sama berdoa agar proses pilihanraya kali ini berjalan dengan lancar tanpa sebarang rusuhan, kekacauan dan pergaduhan. Oleh itu peliharalah keamanan dan kesejahteraan Negara kerana ini adalah tanggungjawab kita bersama.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَكُمْ
هُزُوءًا وَلَعِبًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ
وَالْكَفَّارَ أَوْلِيَاءَ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang yang menjadikan agama kamu sebagai ejekan-ejekan dan permainan di kalangan orang yang telah diberikan Kitab sebelum kamu dan orang kafir musyrik itu sebagai pemimpin dan bertaqwalah kepada Allah, jika kamu benar-benar orang yang beriman".

(Al-Maidah : 57)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،
اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ
اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ
سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس
شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ



عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ
وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ،
لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمَرَهُمَا
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang



Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.